



UMP jalin kerjasama program Pengurusan Teknologi Industri



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam memanfaatkan bidang berkaitan pembangunan akademik dan penyelidikan kedua-dua universiti berfokus ini.

Acara menandatangani MoU menyaksikan UTHM diwakili Naib Canselor, Datuk Profesor Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Pendaftar, Sulam Hamid manakala Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed dan Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Zularisam Abd. Wahid mewakili UMP dalam majlis yang berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim Ismail, UTHM Batu Pahat Johor pada 10 April yang lalu.

Menurut Profesor Dr. Mohd. Noh, kerjasama ini menggalakkan kedua-dua universiti di dalam *Malaysian Technical University Network (MTUN)* ini berkongsi kepakaran dan bekerjasama dalam program pertukaran staf akademik dan penyelidik, pertukaran pelajar dan menjalankan kolaborasi dalam penganjuran seminar, persidangan, simposium dan program intelektual yang lain.

"Jaringan kerjasama erat universiti MTUN

ini juga memberi peluang dalam pembangunan aktiviti penyelidikan dan perundingan termasuk perkongsian pengalaman dalam pemindahan teknologi dan penggunaan makmal serta peralatan," katanya.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Mortaza yang hadir mewakili Naib Canselor UMP berkata, kerjasama ini akan merealisasikan hasrat MTUN dalam usaha menggalakkan pertukaran pelajar antara universiti selain menjadi pemangkin dalam kerjasama lain pada masa akan datang.

Katanya, usaha yang dijalankan di antara Fakulti Teknologi (FT) di UMP dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) di UTHM ini akan berkongsi maklumat berkenaan peralatan serta kemudahan yang terdapat di makmal sebagai panduan untuk menambah baik kelengkapan bagi program Pengurusan Teknologi Industri.

Malah katanya, sesi perbincangan juga telah diadakan bagi membincangkan hala tuju kerjasama kedua-dua pihak terutamanya dalam bidang akademik dan penyelidikan termasuk program pertukaran pelajar berkredid.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung acara menandatangani MoU antara UTHM dan

Universiti Naresuan Thailand. Hadir sama dalam majlis, Presiden Universiti Naresuan, Profesor Dr. Sujin Jinahyon dan Ketua Jabatan Hubungan Universiti-Industri UTHM iaitu Dr. Hariati Taib.

Kerjasama ini menggalakkan kedua-dua universiti di dalam *Malaysian Technical University Network (MTUN)* ini berkongsi kepakaran dan bekerjasama dalam program pertukaran staf akademik dan penyelidik, pertukaran pelajar dan menjalankan kolaborasi dalam penganjuran seminar, persidangan, simposium dan program intelektual yang lain.